

# AeU perkasakan pendidikan guru prasekolah

» *Universiti tawar program pengajian awal peringkat sarjana muda, diploma*

**K**ecemerlangan sistem persekolahan dan pendidikan negara dalam melahirkan modal insan mahir dan berprestasi tinggi tidak dinafikan berkait langsung dengan kualiti pendidikan prasekolah. Kanak-kanak berusia 4 tahun dan lebih yang memasuki sekolah rendah tanpa didikan asas mungkin mengala-

mi kesulitan bersaing dengan rakan sekelas lepasan prasekolah dan akhirnya ketinggalan.

Statistik sistem pendidikan prasekolah di Malaysia sehingga Jun 2011 merekodkan jumlah enrolmen sebanyak 77 peratus atau 430,000 murid yang dididik sejumlah 17,899 guru awam dan swasta di seluruh negara. Bagaimanapun, situasi ini tidak mencukupi bagi memenuhi sasaran pendidikan prasekolah NKRA Pendidikan (GTP) yang menyasarkan 100 peratus enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang 2020.

Fenomena ini mencetus permintaan tinggi ke atas guru pra-



AeU giat lahirkan guru prasekolah yang berkecualan dalam program asuhan dan didikan awal kanak-kanak (ECCE) bagi menangani cabaran pendidikan prasekolah nasional menjelang tahun 2020.

sekolah bertauliah dari segi akademik, memandangkan hanya tiga peratus daripada jumlah keseluruhan guru prasekolah yang memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

## Penjajaran semula

Bertitik-tolak daripada penjajaran semula keperluan industri prasekolah berdasarkan GTP, Asia e University (AeU) berasa terpacu untuk kekal melestarikan proses pemeraksanaan pendidikan kelayakan akademik para pendidik atau guru, khususnya dalam konteks asuhan kanak-kanak daripada peringkat akar umbi.

Seiring keperluan semasa industri pendidikan prasekolah negara, Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (SECS) di AeU menawarkan program pendidikan awal kanak-kanak di peringkat Sarjana Muda dan Diploma Siswazah kepada golongan pendidik prasekolah termasuk pengusaha taska atau premis seumpamanya. Diiktiraf Kementerian Pendidikan dan diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), kedua-dua program ini ditawarkan bagi memenuhi permintaan pasaran serta bersifat semasa.

Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan Kepujian atau Bachelor of Education (Early Childhood Education) (Hons) dibangunkan khusus untuk guru serta pendidik prasekolah yang memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya Diploma. Tempoh program meliputi pengajian sepanjang 4 tahun atau 13 semester secara separuh masa dan melalui pembelajaran jarak jauh atas talian.

Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak atau Graduate Diploma in Early Childhood Education pula disasar kepada golongan guru tadika yang bekerja serta hanya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pengajian berlangsung sepanjang 2 tahun atau selama 7 semester, merang-

kumi 18 subjek serta latihan praktikal mengajar. Program diploma ini distruktur dengan lebih komprehensif daripada program diploma pendidikan awal kanak-kanak yang sedia ada dalam pasaran, malahan hampir menyamai taraf sarjana muda kerana modul pengajaran dan sukatan pembelajaran yang diterapkan adalah sama sehingga tahun kedua program sarjana muda.

Bagi mengoptimalkan impak sistem penyampaian pengajian, kedua-dua program mengamalkan kaedah pembelajaran teradun meliputi Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Langsung Atas Talian dan Pengajian Bersenuka. Pembelajaran program menggabungkan kaedah pembelajaran di kelas tutorial, tugas bertulis dan juga perbincangan kelas atau forum atas talian. Bagi memudahkan pelajar, kelas hanya diadakan sebulan sekali pada hujung minggu.

## Konsep e-pembelajaran

Berlandaskan konsep e-pembelajarannya, portal pembelajaran khas diberi nama Personalised Learning Space (myPLS) membolehkan pelajar mengakses dan memuat turun material digital pembelajaran lebih awal pada bila-bila masa di mana saja mereka berada.

Hasil pembelajaran program bersesuaian dengan keperluan pendidikan kanak-kanak peringkat prasekolah serta sejajar agenda pembangunan profesionalisme berterusan kepada pendidik digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Pendidikan awal kanak-kanak di AeU menjurus kepada pendekatan holistik mempertingkatkan ilmu pengetahuan, kebolehan mengajar serta kompetensi berkaitan pelajar yang mencakupi perkembangan moral, kognitif, emosional dan sosial kanak-kanak berusia dari umur 4 hingga 8 tahun.

Pelbagai strategi, teknik dan kaedah dalam mengajar kanak-

kanak daripada pelbagai tahap kebijaksanaan akan didedahkan; seperti kebijaksanaan dalam verbal dan linguistik, kebijaksanaan menghitungkan dan kuantitatif, kebijaksanaan muzikal, kebijaksanaan fizikal dan kinestetik serta kebijaksanaan saintifik. Pelajar juga akan mempelajari amalan terbaik dalam menangani keperluan kanak-kanak khas serta berbakat, termasuk kaedah terbaik untuk berhubung dengan ibu bapa serta komuniti.

"Ekosistem sektor pendidikan prasekolah termasuk profesyen sebagai guru atau operator pusat prasekolah telah melalui pelbagai fasa perubahan kritikal sejak era kemerdekaan. Guru prasekolah berperanan besar dalam melenzur keperibadian kanak-kanak di peringkat awal lagi. Sebagai 'role-model', guru perlu bersikap profesional, berintegriti dan layak untuk mengasuh kanak-kanak khususnya generasi Alpha yang banyak terdedah kepada teknologi dan materialistik," kata Profesor Dr John Arul Philips, Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif.

## Pendaftaran pengajian

Pendaftaran pengajian dilakukan sebanyak tiga kali setahun iaitu bagi sesi pengajian Januari, Mei serta September. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian (Online Application) di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my). Temui kami di Hari Prebiu AeU dan pameran pendidikan di lokasi:

- 24-25 Mei - 15th Penang Career & Postgraduate Expo 2014, Penang International Sport Arena (PISA), Pulau Pinang (10 pagi - 6 petang)

- 14-15 Jun - NAPEI 33rd Malaysian Education Fair, Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur (10 pagi - 6 petang)

- 19-20 Julai - Higher Education Fair 2014, Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur (10 pagi - 6 petang)

Atau hubungi talian bebas tol 1 300 300 238.